

Faktor-faktor kekurangan kelas pengajian al-Quran braille di Malaysia: Tinjauan dan analisis

[Factors Contributing to the Limited Availability of Braille Quran Learning Classes in Malaysia: A Survey and Analysis]

Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi^{*1}, Abu Dzar Ahmad¹, Siti Nora' Aeshah Zakaria¹, Wan Hashridz Rizal Wan Abu Bakar¹

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia.

* Corresponding author: haafiz@unipsas.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no02.610>

Abstrak

Kajian ini memberikan gambaran keseluruhan kekurangan sumber dan peralatan dalam kelas pengajian al-Quran Braille di Malaysia, serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kekurangan ini. Penggunaan Braille al-Quran adalah penting dalam memudahkan akses dan pemahaman kandungan al-Quran bagi individu cacat penglihatan melalui cara sentuhan. Walau bagaimanapun, terdapat halangan dalam penyediaan sumber dan peralatan yang mencukupi untuk kelas belajar al-Quran Braille. Faktor utama merangkumi ketiadaan Mashaf Quran Braille, peralatan khusus seperti pembentang Braille (Braille Display), dan ketiadaan bilik kuliah yang dilengkapi dengan sewajarnya. Tambahan pula, kekurangan guru yang dilatih dalam pengajaran al-Quran Braille dan pengiktirafan yang terhad tentang kepentingan Braille dalam pendidikan al-Quran telah terbukti menjadi halangan. Untuk menangani cabaran ini, langkah-langkah seperti meningkatkan penyediaan bahan bantu mengajar dan peralatan, menyediakan latihan kepada guru, meningkatkan kesedaran orang ramai, dan meningkatkan infrastruktur pembelajaran perlu dilaksanakan. Usaha kolaboratif daripada pelbagai pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan akses secara komprehensif dan berkesan kepada pendidikan al-Quran bagi individu yang cacat penglihatan.

Kata kunci: Al-Quran Braille, Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan, Keperluan Khas, kelas Pengajian al-Quran Braille.

Abstract

This study provides an overview of the inadequacy of resources and equipment in Braille Quran classes in Malaysia, as well as the factors contributing to this deficiency. The use of Braille Quran is essential in facilitating access to and understanding of the Quranic content for individuals with visual impairments through tactile means. However, there are obstacles in the provision of sufficient resources and equipment for Braille Quran learning classes. The main factors include the absence of Braille Quran texts, specialized equipment such as Braille embossers, and the lack of adequately equipped classrooms.

Manuscript Received Date: 28/03/25

Manuscript Acceptance Date: 29/04/24

Manuscript Published Date: 31/07/25

©The Author(s) (2025). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my



Additionally, the shortage of trained teachers in teaching Braille Quran and limited recognition of the importance of Braille in Quranic education have proven to be barriers. To address these challenges, measures such as improving the provision of resources and equipment, providing training to teachers, raising public awareness, and enhancing learning infrastructure need to be implemented. Collaborative efforts from various stakeholders are crucial to ensure comprehensive and effective access to Quranic education for visually impaired individuals.

Keywords: *al-Quran Braille, Visually Impaired Persons, Special Needs, al-Quran Braille Classes.*

1.0 Pendahuluan

Al-Quran Braille adalah versi Al-Quran yang telah melalui proses transkripsi ke dalam sistem tulisan berasaskan sentuhan yang merupakan kaedah menulis dan membaca yang digunakan oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan (Rasdi, et. al, 2021). Sistem pembelajaran al-Quran Braille menumpukan pengenalan setiap huruf Arab diterbitkan semula menggunakan titik Braille yang dapat dirasakan oleh jari. Setiap simbol Braille sepadan dengan huruf, nombor, atau tanda baca dalam bahasa Arab (Rasdi, et.al, 2021). Melalui penggunaan Al-Quran Braille, individu yang buta atau cacat penglihatan dapat membaca dan memahami teks Al-Quran dengan lebih efisien yang berkesan melalui kaedah sentuhan (Halim, et. al, 2023). Hal ini memberi kelebihan kepada golongan yang kurang upaya bagi mendalami ilmu agama khususnya ilmu berkaitan dengan al-Quran. Rentetan itu, al-Quran Braille amat berfungsi dalam mengetengahkan pengetahuan ilmu wahyu yang ingin dipelajari dapat diakses oleh masyarakat yang bukan tertumpu kepada golongan yang cerdik sahaja bahkan golongan yang sebaliknya (Shabery, et. al, 2022). Pelbagai pihak berperanan penting dalam meningkatkan kualiti pengajian dan pembelajaran berorientasikan al-Quran secara keseluruhan dan perlu melalui kaedah pembelajaran al-Quran Braille secara konsisten, bersistem dan berkala. Namun, kekangan kelas-kelas pengajian al-Quran Braille terbatas kerana pengajian ini hanya berfokus di tempat-tempat terpilih dan berdaftar sahaja (Dahnil, et. al, 2020). Hal ini tidak semua Muslim dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) dapat membaca al-Quran dengan baik disebabkan faktor-faktor yang mengekang mereka mempelajari al-Quran kurang digiatkan bagi memberi peluang golongan mereka mendalaminya seiring dengan orang yang celik penglihatan (Baharudin, et. al, 2023).

Justeru, keperluan semasa dapat meraikan golongan mereka wajar diperkembangkan pengajian Braille bukan sahaja memberi pendedahan al-Quran kepada golongan mereka bahkan dapat menambahkan kemahiran dalam mengendalikan kaedah Braille yang diperkenalkan melalui kod-kod untuk tujuan membaca al-Quran (Shabery, et. al, 2022). Sejalan dengan peredaran zaman, teknologi juga turut berkembang pesat. Proses membaca dan mempelajari al-Quran bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) cacat penglihatan menjadi semakin mudah dan menyenangkan (Saleh, et. al, 2020). Hasilnya, al-Quran kini dapat dibaca oleh golongan OKU cacat penglihatan. Golongan mereka bukan sahaja tidak lagi hanya didengar dan dihafal semata-mata, golongan istimewa ini dapat membaca al-Quran dengan baik dan mahir menggunakan kaedah al-Quran Braille malahan golongan mereka dapat mengajar pula orang awam yang celik penglihatan (Rasdi, et.al, 2021).

2.0 Pengenalan Al-Quran Braille

Asas penggunaan kod Braille berpandukan dalam Bahasa Arab berdasarkan mashaf al-Quran Braille. Kaedah kod tersebut mengetengahkan huruf-huruf muqata'ah, tanda baris seperti fathah, dammah, dan kasrah serta simbol-simbol seperti shaddah, sukun dan mad (Ismail, M. H., & Sikumbang, D. P. D., 2020). Menurut Adnan, M. F. R. B., & Zaharudin, R. (2021), kaedah menulis dan membaca al-Quran Braille yang ditulis dan dibaca dari kiri ke kanan, setiap huruf dan tanda baris ditulis secara bersebelahan antara satu sama lain, iaitu huruf dan diikuti dengan tanda baris, hanya tanda shaddah sahaja (Rasdi, et. al, 2023). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang tidak ketara dalam ilmu rasm dan dabt antara al-Quran tipikal dengan al-Quran Braille. Hal ini kerana versi al-Quran Braille mempunyai kaedah kod-kod tertentu yang dapat memperkenalkan kalimah dan ayat daripada teks al-Quran asal. Sebagai contoh kalimah solat di dalam al-Quran yang sebenar dieja dengan huruf waw (و) dan alif kecil (ا) manakala al-Quran Braille menggunakan huruf alif (ا) dan alif kecil (ا) berasaskan kalimah yang asal iaitu الصلاة (Rasdi, et. al, 2023).

Sebelum kaedah penulisan Braille diperkenalkan, golongan ini bergantung sepenuhnya kepada

pancaindera telinga dalam menerima dan memproses sesuatu maklumat (Ab Rahman, et. al, 2020). Golongan ini perlu diberi bimbingan secara praktikal melalui penggunaan al-Quran Braille untuk membaca al-Quran dengan menggunakan tulisan berasaskan sentuhan dalam pengajian yang bersistematik. Selain pengajian secara tradisi dalam pembelajaran al-Quran melalui kaedah talaqqi, peluang untuk mempelajari, menghafal dan menguasai ilmu al-Quran akan lebih terbuka kepada golongan cacat penglihatan ini sekiranya mereka dilengkapi dengan penguasaan al-Quran Braille (Abdullah, A. H. B., 2021). Golongan OKU cacat penglihatan dapat menguasai pembacaan al-Quran dengan lebih cepat menggunakan sensitiviti kulit jari dengan menyentuh huruf-huruf al-Quran yang menggunakan huruf kod Braille dengan menggunakan titik-titik sebagai huruf dan tanda baca al-Quran (Halim, et. al, 2023).

3.0 Fenomena Kelas Pengajian Al-Quran Braille di Malaysia

Golongan istimewa cacat penglihatan sering kali tercicir dalam bidang pendidikan. Hal ini kerana pihak yang berautoriti tidak menitikberatkan pendidikan kepada golongan istimewa ini secara meluas (Adnan, M. F. R. B., & Zaharudin, R., 2021). Mereka juga seharusnya perlu diberi peluang untuk memahirkan diri dalam mendalami dalam pembacaan ayat-ayat suci al-Quran melalui kaedah pembelajaran al-Quran Braille. Justeru, terdapat beberapa agensi Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan dalam urusan Kebajikan termasuk pendidikan mereka iaitu Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) (Rasdi, et. al, 2023). Antara pusat aktiviti dan kebajikan sosial yang dianjurkan pihak PERTIS ialah kelas pengajian al-Quran Braille kepada ahli-ahlinya secara giat. Di Malaysia, terdapat beberapa negeri yang mengadakan kelas al-Quran Braille dan penganjurkan kelas ini telah diusahakan oleh pihak PERTIS selama hampir 30 tahun yang bermula pada tahun 1996. Sebagai sebuah badan yang berperanan menjaga kebajikan golongan cacat penglihatan yang beragama Islam, PERTIS amat mengambil berat berkaitan pengajian kelas al-Quran Braille dalam kalangan ahli-ahlinya (Mohammed, et. al, 2021).

Sehingga kini, terdapat tujuh buah negeri yang terlibat dalam program pengajian al-Quran Braille yang terlibat ialah seperti Terengganu, Kelantan, Pahang, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis (Azman, et. al, 2022). Bagi golongan OKU cacat penglihatan di sekitar Kuala Lumpur, mereka dapat mempelajari al-Quran Braille dengan menghadiri kelas al-Quran Braille di bawah kelolaan PERTIS. Melalui pengajian kelas al-Quran Braille, seorang individu yang cacat penglihatan dapat menelusuri dan mentadabbur Kalam Ilahi di samping golongan mereka mengetahui isi kandungan al-Quran dengan lebih mendalam (Shabery, et. al, 2022). Tambahan lagi, bagi pelajar cacat penglihatan di peringkat universiti, mereka mengikuti pengajian dalam kursus al-Quran Braille di peringkat Universiti Awam (UA) seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Razuan, et. al, 2019) dan peringkat Universiti Swasta (US) ialah Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPAS).

Silibus pengajian al-Quran Braille perlu diikuti oleh golongan istimewa ini malah wajar dibuka ruang sebagaimana rakan-rakan mereka yang tipikal supaya mereka dapat menguasai pengajian al-Quran. Namun begitu, silibus pengajian al-Quran Braille diperkembangkan di universiti-universiti di Malaysia khususnya dalam Fakulti Pengajian Islam atau setaraf dengannya bagi mewujudkan suasana yang lebih mesra pengguna dan kondusif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap golongan kurang upaya.

4.0 Faktor-Faktor Kekurangan Kelas Pengajian Al-Quran Braille

4.1 Ketidalcukupan Sumber dan Peralatan

Faktor ketidakcukupan alatan, sumber dan prasarana untuk tujuan pengajian al-Quran Braille amat terhad disebabkan harga untuk golongan yang kurang upaya memiliki terlalu eksklusif dan tidak mesra pelanggan (Razuan, S. R. A., Raus, N. M., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Yusoff, A. M., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F., 2019). Antara faktor utama ialah peralatan yang terhad peralatan untuk kegunaan di kelas-kelas pengajian al-Quran Braille di Malaysia yang bersesuaian. Hal ini termasuk kekurangan Mashaf al-Quran Braille, peralatan khusus seperti embosser dan ruang kelas yang dilengkapi dengan fasiliti yang sesuai untuk pembelajaran Braille (Mud, S. C., & ALI, M. M., 2021). Oleh itu, keperluan penggunaan Mashaf al-Quran Braille dalam dunia pendidikan seharusnya diperluaskan secara serius. Faktor-faktor seperti lokasi kelas pengajian sebenarnya jauh ketinggalan seperti makmal dan bilik kelas amat diperlukan kerana

Faktor-faktor kekurangan kelas pengajian al-Quran braille di Malaysia: Tinjauan dan analisis

pengajian al-Quran Braille harus dilakukan secara teori dan praktikal yang menambahkan kognitif dan affektif pelajar (Razuan, S. R. A., Raus, N. M., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Yusoff, A. M., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F., 2019).

4.2 Kurangnya Pengajar Yang Terlatih

Kekurangan tenaga pengajar yang memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran al-Quran dalam format Braille turut menjadi faktor penting keangan perkembangan pengajian al-Quran Braille dibuat (Ab Rahman, et. al, 2020). Keterampilan tenaga pengajar seharusnya diketengahkan dalam lapangan pendidikan untuk kelas-kelas pengajian al-Quran dengan menggunakan sistem Braille. Tenaga pengajar yang berkemahiran dan berpengalaman yang mengikuti latihan amali dan pembelajaran secara khusus amat diperlukan bahkan kemahiran dalam kalangan pengajar yang akan menceburi bidang al-Quran Braille juga perlu dititikberatkan (Rasdi, et. al, 2021). Namun, tenaga pengajar yang berkemahiran juga perlu diberi pendedahan awal secara drastik untuk mereka mendalami sebelum mereka diberi mandat mengajar dalam bidang al-Quran Braille kepada pelajar sama ada pelajar dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) dan komuniti pelajar yang normal penglihatan (Razuan, et. al, 2019).

Penglibatan tenaga pengajar amat terhad dan terbatas. Situasi ini dapat dilihat di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) cawangan Temerloh yang amat kritikal. Sebagai contoh, kondusi Encik Wan Mohd Fadil bin Wan Fauzi merupakan antara individu yang tergolong dalam Orang Kurang Upaya (OKU) ditugaskan untuk mengajar pengajian al-Quran Braille dalam negeri Pahang yang mana dua minggu beliau ditugaskan di Temerloh, Pahang dan dua minggu lagi beliau diamanahkan mengajar di negeri Kelantan (Bakri, 2023). Justeru, kekurangan tenaga pengajar dalam pengajian al-Quran Braille amat terhad bagi memberi pendedahan kepada pelajar yang mengikuti kelas-kelas pengajian secara formal. Fenomena yang berlaku perlu diambil cakra agar pengetahuan dan kemahiran individu terhadap penggunaan alatan, sumber dan rujukan berkaitan al-Quran Braille dapat dititikberatkan kepada masyarakat awam secara umumnya untuk jangka masa panjang (Halim, et. al, 2023).

4.3 Kesedaran Yang Rendah Tentang Kepentingan Braille

Kesedaran dan pendedahan yang kurang bagi pihak yang berautoriti tentang kepentingan pengajian al-Quran menggunakan format Braille secara holistik malahan pengajian tersebut hanya menumpukan dalam kelas-kelas yang tidak melibatkan semua institusi pengajian yang bersistematik (Dahnil, et. al, 2020). Hal ini dapat menyingkap kesan terhadap kurangnya sokongan dan perhatian pihak berwajib terhadap penubuhan kelas-kelas tersebut, serta ketidakcukupan pemberian dana untuk menyediakan sumber dan peralatan yang diperlukan bagi pelajar yang berkehendak mengikutinya (Saleh, R., & Sahad, M. N., 2020). Rentetan itu, kewajaran pembelajaran dalam pengajian al-Quran Braille sepatutnya perlu dijadikan satu subjek teras bagi pelajar yang mengikuti pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah khususnya (Mud, S. C., & ALI, M. M., 2021). Oleh itu, penambahbaikan faktor bagi menyelesaikan kesedaran yang kritikal perlu disenaraikan dalam kursus pengajian secara formal untuk menyalurkan pengetahuan dan kepakaran menggunakan al-Quran Braille kepada pelajar yang mempelajarinya secara konsisten (Rashed, et. al, 2021). Pendidikan inklusif yang mengintegrasikan pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan khas seperti keperluan pengajaran al-Quran dalam format Braille mungkin tidak mendapat penekanan yang mencukupi di peringkat dasar pendidikan. Oleh itu, kesedaran dan kepekaan terhadap keperluan pendidikan khusus ini dalam kalangan pembuat dasar dan pelaksana pendidikan perlu diambil kira oleh pihak yang bertanggungjawab (Rasdi, et. al, 2021).

5.0 Perbincangan

Pendidikan al-Quran Braille merupakan aspek pendidikan yang penting dalam memastikan akses kepada pendidikan agama bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan. Namun, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kekurangan kelas pengajian al-Quran Braille di Malaysia. Isu-isu mengenai pengajian al-Quran Braille amat penting untuk dibincangkan bagi mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi cabaran tersebut. Hal ini kerana pembiayaan dan peralatan Braille untuk digunakan dalam pengajian al-Quran amat diperlukan untuk tambah nilai kemahiran pelajar dalam pengajian kursus yang bersilabus. Namun, salah satu faktor utama yang perlu diberi perhatian adalah kekurangan sumber dan peralatan. Al-Quran Braille, peralatan seperti embosser, panel al-Quran e-Braille

dan ruang kelas yang dilengkapi dengan fasiliti yang sesuai merupakan keperluan asas termasuk peralatan yang baharu eBrelle yang dapat menggunakan capaian internet. Inisiatif untuk meningkatkan penyediaan sumber dan peralatan yang sesuai adalah langkah pertama yang perlu diambil oleh pihak yang berautoriti lebih-lebih lagi pihak pendidikan.

Selain itu, keterlibatan pihak berwajib perlu untuk menangani isu-isu kekurangan pengajar yang terlatih dalam pengajaran al-Quran Braille. Program pelatihan khusus untuk pengajar, termasuk latihan praktikal dalam pengajaran menggunakan sistem Braille dapat membantu meningkatkan kebolehan pengajaran mereka. Kerjasama dengan institusi pendidikan dan organisasi masyarakat yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini juga boleh memberi manfaat yang besar kepada dunia pendidikan. Kesedaran tentang kepentingan Braille dalam pendidikan al-Quran juga perlu dipertingkatkan. Program kesedaran masyarakat dan kempen pendidikan boleh membantu mengubah persepsi dan membangkitkan sokongan untuk penubuhan kelas-kelas pengajian al-Quran Braille.

Selain itu, langkah-langkah untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pengajian al-Quran Braille perlu ditambah baik. Hal ini kerana keperluan sumber dan dana yang mencukupi dapat merealisasikan pelaksanaan yang berkesan bukan tertumpu kepada pelajar yang kurang upaya bahkan pelajar yang celik penglihatan. Pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan perlu mengutamakan pembiayaan untuk menyediakan infrastruktur, membayar gaji pengajar, dan membeli peralatan serta bahan pengajaran yang diperlukan.

Secara rumusannya, signifikan pengajian untuk menekankan pendidikan inklusif bagi memfokuskan pendidikan khusus seperti pengajaran al-Quran dalam format Braille dapat membantu meningkatkan kesedaran dan kepekaan terhadap keperluan pendidikan khusus ini dalam dasar pendidikan negara. Perkara yang perlu diutamakan untuk mengatasi kekurangan kelas pengajian Al-Quran Braille di Malaysia memerlukan usaha bersama dari pelbagai pihak. Pendekatan yang holistik dan kerjasama yang erat antara pelbagai pihak, institusi pendidikan, organisasi masyarakat dan komuniti setempat adalah memungkinkan untuk mencapai tujuan untuk menyediakan akses kepada pendidikan al-Quran yang inklusif dan berkesan bagi individu yang memerlukan format Braille.

6.0 Kesimpulan

Penyediaan pendidikan Al-Quran format Braille memainkan peranan penting dalam memastikan individu yang mengalami masalah penglihatan mempunyai akses kepada pendidikan agama. Walau bagaimanapun, di Malaysia, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kekurangan kelas pengajian Braille Al-Quran. Faktor-faktor ini termasuk sumber dan peralatan yang tidak mencukupi, kekurangan tenaga pengajar terlatih, dan kesedaran terhad tentang kepentingan Braille dalam pendidikan Al-Quran. Untuk menangani cabaran ini, langkah-langkah tertentu mesti dilaksanakan. Pertama, adalah perlu untuk meningkatkan ketersediaan sumber dan peralatan, seperti Mashaf al-Quran Braille Standard Malaysia, embosser, Panel al-Quran e-Braille dan kemudahan kelas yang sesuai. Kedua, latihan khusus untuk pengajar dalam pengajaran Al-Quran Braille mesti disediakan untuk meningkatkan keupayaan mereka. Ketiga, program kesedaran masyarakat dan kempen pendidikan harus dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang kepentingan Braille dalam pendidikan Al-Quran. Akhir sekali, sokongan dana yang mencukupi diperlukan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan untuk kajian Al-Quran Braille. Secara keseluruhan, usaha kerjasama dari pelbagai pihak berkepentingan termasuk institusi pendidikan, organisasi masyarakat, dan pihak berkuasa tempatan adalah penting dalam menangani kekurangan bilik darjah Al-Quran Braille di Malaysia dan memastikan akses inklusif dan berkesan kepada pendidikan Al-Quran bagi mereka yang memerlukan bahan Braille.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Zakaria, M. A., Shakor, M. F. A., Nordin, N. S., & Rahmat, N. A. S. (2020). Sorotan literatur kajian kurikulum pendidikan Islam pelajar orang kurang upaya (Oku) Di Malaysia. *Syariah and Law Discourse*, 1(1), 25-33.
- Abdullah, A. H. B. (2021). Penguasaan Hukum Nun Mati Atau Tanwin Dalam Kalangan Orang Cacat Penglihatan:[The Empowerment of Nun Saakin and Tanween Among Visual Disabled People]. *KQT eJurnal*, 1(1), 37-48.

Faktor-faktor kekurangan kelas pengajian al-Quran braille di Malaysia: Tinjauan dan analisis

- Adnan, M. F. R. B., & Zaharudin, R. (2021). The Importance of Al-Quran E-Braille on Improving the Achievement of Students with Special Needs with Visual Impairment: Kepentingan Al-Quran E-Braille terhadap peningkatan pencapaian Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 19-27.
- Azman, H. H., Ngabadi, S. M., Embong, N. I. S., & Hassan, S. N. S. (2022). Pengajaran al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan, (Ke-7)*, 202-208.
- Baharudin, N. S., Razalli, A. R., & Shaffeei, K. (2023). Analisis keperluan pembangunan aplikasi “E-Ibadah” dalam pengajaran pendidikan islam murid ketidakupayaan pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 15-32.
- Dahnil, D. P., Noor, A. Y. M., & Murah, M. Z. (2020, November). The Fundamental of Al-Quran Braille in Rasm Uthmani. In *2020 IEEE Conference on e-Learning, e-Management and e-Services (IC3e)* (pp. 19-22). IEEE.
- Halim, M. N. A., Pisol, M. I. M., Rosli, H. F., Rashed, Z. N., & Raus, N. A. M. (2023). Pembentukan Model Pembelajaran Al-Quran Bagi Orang Kelainan Upaya: Designing A Qur'anic Learning Model for People with Physical Disabilities. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 7(2), 60-67.
- Ismail, M. H., & Sikumbang, D. P. D. (2020). Sistem Pembelajaran Asas Kod Braille Al-Quran Secara Kendiri.
- Mohammed, Z., Azhar, N. A., Ludin, N. I. M., Fadzil, N. M., Rahman, M. H. A., & Abd Wahat, N. H. (2021). Pengalaman Mencari Pekerjaan dan Pengalaman Bekerja dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Lembah Klang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 85-101.
- Mud, S. C., & ALI, M. M. (2021). Learning Al-Quran for children with disabilities. *Jurnal Hadhari*, 13(1), 135-146.
- Rasdi, M. N. A., Jaafar, N., Raus, N. M., Hashim, M., Azhar, N. A., Zainudin, M. S. A., ... & Razali, A. (2021). Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (Ummi) USIM.
- Rasdi, M. N. A., Md Isa, M. Y. A., Ja'afar, N., Mohamad, K. A., & Mohd Raus, N. (2021). Implikasi Ketiadaan Sifr Mustadīr ke atas Pentilawah Al-Quran Braille: Implications of The Absence of Sifr Mustadīr on Braille Al-Quran Recitations. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 14-26. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.108>
- Rasdi, N., Raus, N. M., & Jaafar, N. (2023). Aplikasi Rasm Uthmani dalam Mashaf al-Quran Braille Malaysia: Application of Uthmani Script in the Braille Quran of Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 7(2), 91-107.
- Rashed, Z. N., Pisol, M. I. M., Rosli, H. F., & Azmi, A. A. M. (2021). Penelitian Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Al Quran Braille: Satu Analisis: Analysis on Teaching and Learning of Vision Impairment Using Braille Quranic Mushaf. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 71-79.
- Razuan, S. R. A., Raus, N. M., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Yusoff, A. M., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI): Quranic Education for PwDs: Experience of Ibnu Ummi Maktum Research Centre (UMMI). *'Abqari Journal*, 20(2), 78-98.
- Saleh, R., & Sahad, M. N. (2020). Sorotan Literatur Sistematis Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas [Systematic Literature Review on Issues and Challenges al-Quran of Pupils with Special educational Needs]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 199-211.
- Shabery, N. A. F. N., Jaafar, N., & Muhamad, N. A. F. (2022). Issues and Challenges of Da'wah to the Disabled: A Systematic Literature Review (SLR), *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 8(2), 2022 15-27.